

16 MAR 1996

MAHATHIR MUNGKIN BINCANG EAEC DENGAN PM AUSTRALIA

BINTULU, 16 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau mungkin membincangkan isu Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dengan Perdana Menteri Australia yang baru John Howard apabila beliau singgah di Australia dari New Zealand 29 Mac ini.

"Kita berharap Australia akan memujuk Amerika agar tidak menghalang (penubuhan EAEC)," kata Perdana Menteri kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke Bakun. Dr Mahathir mengakhiri lawatan dua harinya ke Sarawak hari ini.

Akhbar-akhbar Australia menyifatkan lawatan Dr Mahathir itu sebagai satu kejayaan kepada Howard dalam usaha mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Asia.

Dr Mahathir, yang dijadual melakukan lawatan kerja ke New Zealand penghujung bulan ini, berkata beliau akan membincangkan banyak perkara dengan Howard tetapi beliau tidak mahu mencampuri urusan politik Australia.

"Tidak manislah kalau saya menolak undangan Howard yang mahu menemui saya," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

AHM MAI